

## KONSEP PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENURUT USUL DAN KAEADAH MAZHAB SYAFI'I

Saipul Nasution<sup>30</sup>

Ibnor Azli bin Ibrahim<sup>31</sup>

Mariam binti Haji Abdul Rahman<sup>32</sup>

### Abstrak

Penciptaan insan merupakan modal utama yang sangat berharga untuk mentadbir alam ini bahkan dengan teknologi yang paling canggih pun tidak dapat digerakkan apabila insan yang ada tidak berkualiti dan tidak memiliki kuantiti yang seimbang. Modal insan mestilah memiliki kerja sama yang baik dalam persekitaran kerjanya kerana ia adalah aset utama dalam pelbagai aktiviti suatu organisasi dan negara. Jelas bahawa pembangunan modal insan perlulah diberikan perhatian serius dalam berbagai aspek negara. Namun demikian, dalam pandangan konvensional yang banyak digegaskan oleh negara-negara maju, pembangunan modal insan difokuskan kepada dua aspek sahaja iaitu pembangunan fizikal dan harta benda. Mengangkat kepentingan tersebut, kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek utama dalam membangun modal insan menurut usul dan kaedah mazhab Syafi'i beserta peranannya dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan analisis tulisan sebagai kaedah menganalisis data yang diperoleh melalui sumber-sumber kepustakaan. Hasil analisis mendapati bahawa Mazhab Syafi'i memiliki pandangan yang berbeza dari teori konvensional di mana pembangunan modal insan lebih ditekankan kepada aspek fizikal dan harta.

**Kata Kunci:** *kaedah, konvensional, mazhab Syafi'i, pembangunan modal insan, usul.*

<sup>30</sup> Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Email: saipulnasution@unida.gontor.ac.id.

<sup>31</sup> Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Email: tesyekkur@gmail.com.

<sup>32</sup> Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Email: umifikri.68@hotmail.com.

## Pengenalan

Penciptaan insan ialah modal utama yang sangat berharga untuk mentadbir alam ini. Dengan teknologi yang paling canggih pun, modal alam tidak dapat digerakkan apabila insan yang ada tidak berkualiti dan tidak memiliki kuantiti yang seimbang (Tricahyani, 2018:87). Menurut Ismanto (2015:222), di dalam membangun modal insan perlu kiranya meliputi dua unsur utama: pertama, modal insan mestilah memiliki kerja sama yang baik dalam persekitaran kerjanya; kedua, modal insan adalah aset utama dalam pelbagai aktiviti suatu organisasi dan negara. Di sini jelas bahawa pembangunan modal insan perlulah diberikan perhatian serius dalam berbagai aspek negara.

Barat memaknai modal insan sebagai suatu corak kamahiran dan kebolehan dalam setiap individu insan untuk boleh digunakan pada setiap pengambilan pekerja (Bukit, dkk, 2017). Modal insan pula boleh memberikan suatu sumbangan penting terhadap negara. Menurut Sa'adi dan Arni (2015:169), barat memfokuskan pada aspek pembangunan asas manusia dari sudut pengetahuan dan kemahiran tertentu sahaja yang boleh memberikan keuntungan kepada ekonomi sebuah organisasi atau negara.

Sedangkan konsep utama dalam keseimbangan pembangunan modal insan menurut syariah ialah untuk memberi kesejahteraan kepada seluruh masyarakat (Sudjana & Riskison, 2020). Dalam hal ini, syariah ialah sebagai landasan atas jalan penyelesaian segala permasalahan kehidupan. Mengangkat kepentingan tersebut, kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek utama dalam membangun modal insan menurut usul dan kaedah mazhab Syafi'i beserta peranannya dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara.

Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan analisis tulisan sebagai kaedah menganalisis data yang diperoleh melalui sumber-sumber kepustakaan. Penelitian kepustakaan merupakan kajian teoritis, referensi serta literatur ilmiah lainnya yang berkaitan dengan budaya, nilai dan norma yang berkembang pada situasi sosial yang diteliti (Sugiyono, 2012). Data diperoleh melalui literatur ilmiah yang berkaitan dengan aspek pembangunan modal insan menurut mazhab Syafi'i. Dalam menganalisis data, peneliti melakukan empat kegiatan pada penelitian kepustakaan (Mirshad, 2014) iaitu: mencatat semua temuan masalah penelitian, memadukan segala temuan baik teori atau temuan baru, menganalisis segala temuan dari berbagai bacaan yang berkaitan dengan kekurangan tiap sumber, dan mengkritisi atau memberikan gagasan kritis dalam hasil penelitian terhadap wacana-wacana sebelumnya dengan menghadirkan temuan baru dalam mengkolaborasikan pemikiran-pemikiran yang berbeda terhadap masalah penelitian.

Umumnya, hasil penganalisisan dalam kertas kerja ini dibahagikan kepada enam bahagian utama. Pertama, menjelaskan makna modal insan menurut barat dan mazhab Syafi'i; kedua, pembangunan modal insan; ketiga, peranan pembangunan modal insan dalam membangunkan ekonomi; keempat, analisis aspek pembangunan menurut mazhab Syafi'i; kelima, perbincangan analisis; dan keenam, kesimpulan.

## Makna Modal Insan

Secara etimologi bahasa, kata modal insan (*human capital*) pertama kali digunakan pada tahun 1799 yang bererti kemampuan, keterampilan, kualiti seseorang, kelompok atau kemampuan kerja sebagai aset ekonomi (Merriam, 1831). Pada mulanya, kata “*capital*” berasal dari bahasa

Latin “*caput*” yang bererti kepala. Sedangkan tafsirannya, mula difahami pada abad ke-12 dan ke-13 ialah dana, persediaan barang, atau pinjaman kewangan (Alford & Berger, 1999). Manakala kata “*human*” berasal dari kata “*humain*” dari Bahasa Inggeris abad pertengahan, berawal dari bahasa Anglo-Perancis, diambil dari Bahasa Latin “*humanus*” dan “*akin*” menjadi Bahasa Latin “*homo*” dan berubah menjadi “*human*” yang pada abad ke-15 yang diertikan sebagai karakteristik insan (Merriam, 1831).

Sedangkan menurut Sodiq (2015:383), secara harfiah, takrif modal insan adalah pengetahuan (*knowledge*), kepakaran (*expertise*), dan boleh juga bermaksud kemampuan (*ability*) dan suatu kemahiran (*skill*). Kesemua perkara ini boleh menjadikan insan sebagai modal atau aset bagi kemajuan industri dan negara.

Istilah modal insan diperkirakan muncul pertama kali pada kurun 1877-1959 yang mana istilah ini dirumuskan oleh Pigou (1928), dan selanjutnya diikuti oleh tokoh-tokoh lainya seperti Mincer (1958:281) dan Becker (1964). Pada aspek tertentu, idea mereka menyamai ide Marx (1967) dalam konsep kuasa buruh (labour power) (Lengnick-Hall & Lengnick-Hall, 2002). Menurut Mincer (1958:282), insan terkait erat dengan bentuk fizikal. Oleh itu, semua yang nampak adalah bahagian daripada insan seperti wang, kenderaan mahupun harta benda. Menurut Lengnick-Hall dan Lengnick-Hall (2002), takrif *human capital* ialah kemampuan individu yang dimiliki oleh setiap insan adalah modal utama yang memberikan impak terhadap negara.

Jika secara konvensional modal insan bermaksud satu cara bagaimana seseorang itu ditentukan kepada kualiti dan kemahiran dalam pekerjaan, sama ada di kalangan organisasi mahupun negara, maka dalam Islam insan adalah sebagai makhluk yang diciptakan sebagai khalifah yang diberikan akal untuk dapat berfikir, dan merancang sesuatu program yang bakal dijalankan.

Menurut al-Ghazali (1963), makna modal insan kepada pembangunan diri dan jiwa yang mana hal ini sangatlah sama dengan pembangunan modal insan dari aspek berdaya hasil dan kualiti. Adapun landasan utamanya adalah pembersihan jiwa. Bahkan al-Ghazali (1963) sangat menekankan keseimbangan antara rohani dan jasmani dan tidak boleh ada titik berat di antara keduanya.

Menurut pandangan Islam, modal insan ialah bagaimana seseorang manusia itu mempunyai potensi melalui akal, hati dan badan yang menjadi sumber kekuatan untuk menjaga diri dan mengurus sistem. Allah SWT memberi petunjuk kepada makhluknya melalui al-Quran dan Rasulullah SAW memimpin umatnya melalui peribadinya sebagai modal insan yang terbaik dan menjadi contoh teladan dalam mengurus kekayaan sumber ciptaan Allah melalui nilai akhlak. Oleh itu, Seseorang yang mempunyai modal insan bermakna mempunyai legitimasi yang terpuji, mengamalkan sistem kepercayaan yang berfalsafah dan berprinsip, berintegriti, berwawasan, direka dengan baik, berkemahiran diri dan berakhlak mulia. Pembangunan dalam Islam merupakan satu proses yang dinamik dan harmoni dalam kesejahteraan masyarakat keseluruhannya di dunia dan di akhirat. Fokus utama pembangunan dalam Islam ialah pembangunan kemanusiaan itu sendiri (Nurrohman, 2020:31).

Modal insan menurut hukum Islam merupakan perilaku insan dalam bermuamalah yang berlandaskan aturan agama Islam. Sementara itu, menurut Jubair (2021), ekonomi Islam adalah sekumpulan ilmu yang berlandaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah. Modal insan dalam konsep ekonomi Islam adalah segala rahmat yang diberikan Allah SWT kepada insan dimana ridha Allah SWT lah yang menjadi tunggak utamanya. Menurut Budiman (2015:240), ekonomi Islam

dibina oleh iman di dalam jiwa seorang muslim, dan imanlah yang menjadi pengawas bagi insan itu sendiri. Oleh itu, tujuan daripada ekonomi Islam ialah untuk mencukupi segala keperluan insan di samping menjadikan mereka bahagia di dunia dan akhirat.

Islam menegaskan bahawa konsep utama modal insan ialah Allah SWT ada menjadikan manusia sebagai makhluk yang sempurna dengan pelbagai potensi. kesempurnaan ini hendaklah menjadi modal utama dalam pelbagai tujuan. Bentuk manusia sebagai makhluk dicipta dengan sempurna dan dalam bentuk yang terbaik antara makhluk lain. konsep utama ini berdasarkan firman Allah SWT QS. At-Tin: 4

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَفْوِيمٍ

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.

Menurut al-Ghazali (1963) beranggapan bahawa manusia sebenarnya terdiri daripada empat elemen, yang mana empat elemen itu mestilah saling berkekalan dan berfungsi mengikut fungsinya. Empat elemen ini ialah:

1. Hati berbentuk segumpal daging. Sehingga dalam pandangan Islam tentang daging sebagai hati, jika hati itu baik, maka baiklah seluruh tubuh, tetapi jika buruknya hati maka buruk pula badannya.
2. Roh dapat diertikan sebagai tenaga hidup yang ditiupkan oleh Allah kepada hambanya melalui Malaikat sebagai fitrah yang menjadi potensi dalam diri setiap insan.
3. Nafsu ialah keinginan atau dorongan yang diwujudkan melalui tingkah laku atau perbuatan.
4. Akal dianggap sebagai dimensi psikologi yang paling asas dan sangat rumit pada insan, sebab sebagai dimensi yang mampu mentafsir sifat sesuatu, tempat mengurus ilmu, yang hasilnya tersimpan dalam hati.

Tuhan telah menganugerahkan kepada manusia hati nurani, yang dengannya mereka menjadi cerdas, mampu berfikir, merenung dan membezakan antara yang baik dan yang buruk. Allah Azza wa Jalla berfirman dalam surah an-Nahl: 78

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِّنْ بُطُونِ أُمَّهَتُكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأُفْدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: Dialah yang menjadikan kamu mempunyai pendengaran, penglihatan dan hati, supaya kamu bersyukur.

Adapun potensi modal insan yang termaktub di dalam al-Qur'an (Rohmah & Jumiati: 2021:221) ialah: Pertama, insan adalah insan yang sempurna potensi sebenar yang dimiliki oleh insan adalah untuk dicipta dengan sempurna, berada dalam bentuk yang terbaik antara makhluk lain. Allah SWT melengkapkan manusia dengan tiga perkara iaitu: (1) Akal adalah keistimewaan yang hanya diberikan kepada insan sebagai pembeza makhluk lain; (2) Tubuh menjadi alat untuk mendorong insan melakukan apa yang mereka kehendaki. Pergerakan badan dikawal oleh akal, supaya ia bergerak selaras dengan hati nuraninya; (3) Roh menjadi identiti setiap makhluk (insan), unsur yang berhubung dengan penciptanya iaitu Allah SWT. Oleh itu, maksimalkan potensi yang telah disediakan oleh Allah SWT untuk insan iaitu akal, jasad dan roh. Jika insan telah memaksimumkan potensi mereka, maka insan akan sampai kepada sebab dia dicipta dengan sempurna.

Kedua, insan adalah makhluk rohani. Rohani bermaksud berkaitan dengan Tuhan.

Ketiga, insan adalah makhluk sosial makhluk sosial bermakna mereka tidak boleh hidup bersendirian tanpa bantuan orang lain. Untuk itu, berbuat baiklah lembut, dan belas kasihan adalah kunci dalam kehidupan sosial. Saling memaafkan dan doakan semoga hubungan silaturrahim dikenalkan. Harapannya dapat membina ketakwaan sosial dalam usaha mewujudkan iklim kerja yang baik.

Keempat, insan adalah khalifah di muka bumi insan mempunyai potensi untuk dapat menjaga apa sahaja termasuk memperkasakan. Allah SWT menciptakan manusia di muka bumi sebagai khalifah. Iaitu khalifah yang mampu mengurus dan memperkasakan apa yang ada di bumi.

Kelima, insan adalah makhluk yang diberi kemampuan untuk mencuba baik lelaki maupun perempuan, berusaha adalah sesuatu yang diperintahkan oleh Allah SWT. Dalam perjalanan, usaha dan proses itulah yang akan dinilai dan dilihat oleh Allah SWT. Untuk itu berusahalah sebanyak Allah berikan kepada anda. Dan usaha manusia tidak sama. Beri peluang, ganjaran dan perhatian yang sama dalam menjalankan tugas.

Keenam, insan adalah makhluk yang megiginkan keadilan dan ganjaran mengikut kecekapan yang dimilikinya.

Ketujuh, insan adalah makhluk yang suka bermusyawarat sebagaimana Rasulullah yang selalu bermusyawarat dengan para sahabatnya, dalam hal apa sahaja. Musyawarat ialah satu bentuk penghargaan terhadap kewujudan seseorang.

Kedelapan, insan boleh berubah proses dinamik untuk menjadi modal insan merupakan satu potensi yang telah dimiliki oleh insan. Cuma ada dua perkara yang menjadi pilihan arah perubahan insan iaitu menjadi baik atau teruk. Jadi bijaklah dalam proses, supaya langkah yang diambil tidak tersalah arah, maka berubah menjadi insan yang lebih baik.

## Pembangunan Modal Insan

Pembangunan modal insan adalah nadi dan jantung utama dalam kerangka membangunkan sesebuah masyarakat yang maju dan proaktif yang direlei Allah SWT. Membina dan membangunkan masyarakat sejahtera adalah merupakan persoalan yang amat penting dan relevan untuk dibincangkan secara serius dalam arus perdana masa kini. Kesejahteraan yang diidamkan perlu dibangunkan secara kolektif berasaskan kepada teras penting dalam sistem pembangunan iaitu melalui amalan pembangunan insan (Nurrohman, 2020:33).

Insan adalah modal utama kepada sesebuah masyarakat yang mesti dicanang dan dibentuk berteraskan nilai-nilai mulia dalam agama Islam. Insan yang terbangun dengan jiwa dan mindanya mampu membangunkan seluruh peradaban dan kehidupan umat Islam keseluruhannya. Justeru, pembangunan insan adalah tunggak terpenting dalam membina masyarakat Islam yang rabbani. Pembangunan insan yang dimaksudkan adalah pengamalan akhlak dan menyeluruh secara konsisten berasaskan ajaran agama Islam seperti jujur, amanah dalam tanggungjawab, mengambil berat, tolong-menolong dan sebagainya.

Pembangunan menurut bahasa ialah bertambah atau berkembang (Saifullah, 2016:92). Adapun pembangunan dari aspek ekonomi ialah proses yang berlangsung terus menerus untuk menuju tujuan yang akan dicapai. Sehubungan itu, menurut Saifullah (2016:93), pembangunan menurut Islam ialah pembangunan yang meliputi aspek fizikal, kerohanian dan juga mental.

Pembangunan ekonomi merupakan suatu hal yang perlu dijadikan asas utama dalam bernegara (Ridwan, 2016). Oleh itu, pembangunan ekonomi mesti dibangun dengan menjunjung nilai-nilai kejujuran, keadilan, dan penyaluran menyeluruh kepada seluruh rakyat. Ekonomi yang baik akan melahirkan kemajuan suatu negara. Sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat.

Menurut Husein (2010), Rasulullah SAW telah mendorong golongan muda untuk menyantuni masyarakat demi manfaat dan maslahat masyarakat. Sejarah membuktikan bahawa kaum mudalah yang telah menjadi pemimpin agama bangsa dan panglima perang untuk menyebarkan dakwah Islam ke seluruh penjuru dunia dari barat hingga timur.

Segala peraturan yang diturunkan Allah SWT dalam konsep syariah mengarah kepada kepentingan modal insan. Kepentingan pembangunan modal insan menurut syariah pula ialah untuk menjayakan insan di dunia mahupun di akhirat. Adapun kepentingan lainnya ialah untuk mensyukuri nikmat yang Allah SWT berikan kepada insan, untuk menjayakan kesejahteraan insan dan modal insan dengan tujuan ibadah kepada Allah SWT (al-Bana: 2007).

Istilah pembangunan sering diguna pakai untuk menunjukkan suatu peningkatan atau pertumbuhan daripada tahap sederhana kepada yang lebih baik. Lazimnya, penggunaan istilah pembangunan adalah lebih kepada pembangunan fizikal dan material, akan tetapi dalam Islam pembangunan bukan sahaja meliputi aspek fizikal tetapi juga spiritual. Modal diertikan sebagai himpunan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan yang dimiliki oleh individu yang boleh digunakan untuk menggerak kerja yang berfaedah bagi individu, organisasi dan persekitarannya.

Di sini konsep model insan lebih menjurus kepada penguasaan ilmu pengetahuan, kelebihan kemahiran yang dimiliki dan keupayaan diri untuk bertindak dengan tersusun dan terarah bagi mencapai sesuatu matlamat yang ingin dicapai. Konsep modal insan ini dibina hasil dari pendidikan formal dan informal serta latihan yang telah dilalui oleh individu yang dikenali dalam konteks pengalaman. Dalam pada itu, modal insan bukan sahaja dilihat sebagai modal insan (*Human Resource*) kepada organisasi tetapi ianya merupakan sebagai aset perniagaan yang strategik kerana menjadi pemangkin kepada pencapaian dan pengolah organisasi di masa hadapan. Oleh itu Pembangunan modal insan pula merujuk kepada pertumbuhan dan perubahan ke atas individu, komuniti atau masyarakat sesuatu bangsa dari segenap aspek (Yusof & Sari, 2017:40).

Adapun pembangunan modal insan menurut al-Qur'an ialah pembangunan yang melihat insan sebagai 'watak' terpenting dalam sesebuah pembangunan. Pembangunannya bersifat bersepada dan menyeluruh meliputi pembangunan jasmani dan rohani, dunia dan akhirat. Pembangunannya juga bukan sahaja menekankan aspek pembangunan insan daripada sudut latihan kemahiran, kepakaran, profesional, dan penguasaan maklumat seperti yang ditekankan dalam konsep pembangunan insan di negara-negara barat, tetapi melangkaui hal ini dengan menekankan pembentukan insan mulia, iaitu insan yang berilmu dan sejahtera jiwa, yang menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai petunjuk kehidupan, memiliki pegangan agama yang kuat, intim hubungannya dengan Allah S.W.T., dan baik hubungannya sesama manusia (Fakhruddin, Othman & Mutalib, 2022:34).

Maka itu, menurut Yusof dan Sari (2017:49) ada tujuh prinsip bagaimana pembangunan dalam Islam sepatutnya dijalankan antaranya ialah: pertama, berdasarkan tasawwur Islam sebagai pembimbing; kedua, insan sebagai pelaku pembangunan; ketiga, alam roh, dunia dan akhirat sebagai skala waktu pembangunan; keempat, Ilmu Fardhu 'Ain sebagai kerangka

pembangunan; kelima, ibadah sebagai kaedah pembangunan; keenam, sumber alam sebagai peralatan pembangunan; dan ketujuh, keredhaan Allah SWT sebagai matlamat akhir pembangunan.

### **Peranan Pembangunan Modal Insan Dalam Membangunkan Ekonomi**

Pembangunan ekonomi merupakan suatu hal yang perlu dijadikan asas utama dalam bernegara. Oleh itu, pembangunan ekonomi mesti dibangun dengan menjunjung nilai-nilai kejujuran, keadilan, dan penyaluran menyeluruh kepada seluruh rakyat. Ekonomi yang baik akan melahirkan kemajuan suatu negara. Sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat.

Oleh itu, Rasulullah SAW menjadi contoh pembangunan modal insan terbaik dalam membangunkan ekonomi masyarakat. Kaedah pembangunan modal insan yang menjadi teras Rasulullah SAW adalah seperti berikut (Zureiq, 2013): (a) Rasulullah SAW menegakkan prinsip kejujuran dan keadilan dalam setiap aktiviti ekonomi. Baginda adalah contoh usahawan berjaya yang mahir dalam selok belok perniagaan dan mengamalkan etika serta nilai moral yang tinggi dalam setiap urusan perniagaannya; (b) Rasulullah SAW juga menggalakkan penjanaan ekonomi melalui aspek pertanian. sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadist:

وَفِي رَوَايَةِ لَهُ لَا يَعْرِسُ مُسْلِمٌ عَرْسًا وَلَا يَزْرُعُ زَرْعًا فَيَا كُلَّ مِنْهُ إِنْسَانٌ وَلَا دَابَّةٌ وَلَا شَيْءٌ إِلَّا كَانَ لَهُ صَدَقَةٌ

Maknanya: Seorang muslim yang menanam pohon yang menghasilkan buah, kemudian dimakan burung, manusia atau haiwan, maka ia akan menjadi sedekah (H.R Muslim).

Rasulullah SAW merupakan qudwah yang menjadi panduan bagi para sahabat dan umat Islam secara umum dalam kesederhanaan kesabaran dan ketabahan Baginda. Perkara demikian bukanlah kerana Rasulullah SAW tidak memiliki harta atau kekayaan, sebaliknya kerana Baginda SAW lebih memilih untuk menginfakkannya kepada umat Islam. Oleh itu, kemajuan ekonomi suatu negara pula sangatlah bergantung kepada pendapatan yang adil dan menyeluruh.

Ketidak seimbangan pendapatan akan menghambat pertumbuhan di dalam negara. Sehubungan itu, pembangunan modal insan yang seimbang mesti difahami sebagai proses pelbagai dimensi yang melibatkan perubahan besar pada aspek sosial, serta percepatan pertumbuhan ekonomi, dan pembasmian pengangguran dalam suatu negara. Oleh itu, pembangunan insan dan kesejahteraan insan memiliki tempat yang sangat penting dalam keseluruhan ajaran Islam.

Selain itu, kepentingan pembangunan modal insan menurut syariah pula ialah untuk menjayakan insan di dunia mahupun di akhirat (al-Bana: 2007). Adapun kepentingan lainnya ialah: (a) Untuk mensyukuri nikmat yang Allah SWT berikan kepada insan; (b) Untuk menjayakan kesejahteraan insan; dan (c) Modal insan dengan tujuan ibadah kepada Allah SWT. Kesejahteraan ekonomi pula merupakan hasil dari pembangunan modal insan. Oleh itu, syariah merealisasikan tujuan insan iaitu untuk mencapai kebahagian dunia dan akhirat. Begitulah konsep kesejahteraan yang ada dalam Islam atau sering sekali di istilahkan sebagai *الحياة الطيبة*.

## **Aspek Pembangunan Modal Insan Menurut Mazhab Syafi'i**

Modal insan bukan sahaja perlu disedarkan dengan prinsip nilai yang berteraskan agama semata-mata tetapi memerlukan pemprosesan yang bijak bagaimana cabaran perubahan masa kini boleh dibentuk mengikut rujukan kita sendiri. Faktor nilai merupakan faktor yang sangat penting dalam proses pembangunan modal insan.

Oleh itu, nilai moral, etika dan akhlak iaitu standard atau prinsip untuk mengukur dan menghukum sama ada sesuatu perlakuan dan tujuan itu wajar atau tidak dinamakan sebagai keputusan etika. Nilai yang baik perlu wujud pada pemimpin sudah pasti menggalakkan kepimpinan yang berhemah, bertanggungjawab, amanah dan jujur yang mendorong rakyatnya berganding bahu membangun negara atau tamadun.

Akhhlak mencakupi makna moral dan etika iaitu sifat dan perlakuan yang baik, halus, benar dan patut yang dipunya oleh seseorang yang memberi kebaikan kepada dirinya dan juga kepada orang lain. Tetapi konsep akhlak melebihi makna moral dan etika, dalam erti kata bahawa segala sifat dan perbuatan yang baik yang memanfaatkan itu, harus dengan tujuan untuk mendapatkan keredhaan Tuhan semata-mata, bukan untuk mendapat balasan, pujian dan pengiktirafan daripada manusia (Nurrohman, 2020:34).

Menurut Yusof dan Sari (2017:50), kepentingan modal insan menurut syariah terbahagi kepada tiga. Pertama, kepentingan pembangunan jasmani aspek pembangunan jasmani ialah membangunkan individu yang mengutamakan kebersihan, kesihatan tubuh badan dan keselamatan di tempat kerja. Kepentingan jasmani modal insan ini melambangkan kekuatan yang terdapat pada modal insan. Aspek ini penting dalam memastikan tugas yang dipertanggungjawab dapat dilaksanakan dengan berkesan dan cepat. Mereka sepatutnya memiliki tubuh badan yang sihat, kecerdasan yang tinggi dan penampilan yang menyakinkan. Ketrampilan diri juga melambangkan satu kekuatan untuk mengatur dan menggerak langkah kerja dengan penuh disiplin, tertumpu sehingga mendatangkan keyakinan di kalangan stakeholders. Pengurus perlu membangunkan imej positif diri sendiri dalam usaha untuk menarik perhatian, meningkat dan meyakinkan kebolehan dan kemampuannya di mata orang lain.

Kedua, kepentingan pembangunan rohani insan pembangunan kerohanian mesti diamalkan kepada amalan harian insan. Kekuatan kerohanian akan membentuk modal insan yang mengutamakan nilai-nilai murni dalam kehidupan, mempunyai jiwa yang kuat dan tabah yang sentiasa bekerja dan berusaha untuk menuju ke tahap yang lebih baik. Sehubungan itu, Penghayatan terhadap kerohanian modal insan akan memberikan kesan untuk mendorong dan membantu pekerja untuk berhadapan dengan stres akibat daripada tuntutan nilai sejagat yang perlu dihormati dan dipenuhi dengan saingen kepentingan diri atau memenuhi tuntutan bermotifkan ganjaran ekonomi atau kekuasaan di tempat kerja.

Ketiga, kepentingan pembangunan akal modal insan merupakan satu unsur penting dalam memandu kehidupan manusia. Di sinilah manusia memperoleh dan menyimpan segala pengetahuan yang membolehkan manusia mengetahui tentang hakikat sesuatu benda atau keadaan dan berupaya mengeluarkan pendapat atau pandangan serta membuat andaian terhadap masa hadapan. Akal adalah sebagai pengimbang dan penghubung antara kehendak jasmani dan rohani. Pembangunan akal yang seimbang akan membolehkan modal insan mengoptimumkan potensi keupayaan diri seperti berfikir secara proaktif, membuat penakulan, melakukan

penganalisisan dan melebarkan horizon pandangan. Oleh itu, modal insan perlu penguasaan ilmu secara holistik.

Adapun kepentingan modal insan menurut syariah lainnya termasuk enam kategori. Pertama, amar ma'ruf nahi mungkar dengan menyedari yang mereka adalah hamba-Nya, maka sudah tentu pengurus akan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Dengan kata lain, mereka bersedia untuk mengajak pihak lain melakukan amal makruf dan mencegahnya daripada melakukan kemungkaran dalam organisasi.

Kedua, menyediakan misi dalam setiap pekerjaan misi pengurus adalah untuk melaksanakan perintah Allah SWT dalam setiap aspek kehidupannya, termasuklah diri sendiri, keluarga, organisasi dan negara. Dalam setiap aktiviti dan kegiatannya pengurus akan berusaha untuk melaksanakan apa yang dituntut oleh syiar Islam.

Ketiga, membentuk peribadi yang seimbang peribadi seimbang yang dilahirkan hasil daripada ketaqwaan ialah seimbang dari aspek roh dan jasad, akal dan nafsu, ilmu duniaawi dan akhirat, insan yang inovatif dan kreatif, sabar dan tegas, mempunyai visi dan misi dalam kehidupannya serta cekap dan ikhlas dalam memberikan sumbangan yang positif dan bersifat proaktif dalam menangani permasalahan dan melaksanakan pembangunan dalam kehidupan organisasi. Pembentukan peribadi modal insan bertaqwa perlu diseimbangkan di antara tuntutan dan keperluan rohani, emosi, intelek dan jasmani ke arah mencapai kesejahteraan yang hakiki. Ini adalah kerana Islam merupakan agama yang lengkap atau pun syumul yang memberi penumpuan secara seimbang antara urusan muamalah sehari-hari dengan ibadat-ibadat khusus yang perlu ditunaikan.

Keempat, sumber kebahagiaan dan ketenangan jiwa. Oleh itu, dengan ketaqwaan akan menjurus hati modal insan ke arah keamanan dan ketenangan. Ketaqwaan berjaya menutup pintu ketakutan dan kebimbangan terutama dalam aspek-aspek berkaitan dengan pencarian rezeki, takut kepada kerugian, pesaing dan kegagalan. Adapun isnan yang mentauhidkan Allah kepada Allah SWT, akan lebih bersedia menyerahkan diri kepada Allah SWT setelah pelbagai usaha telah diambil. Oleh sebab itu, insan yang bertaqwa akan sentiasa dalam keadaan bahagia dan tenang.

Kelima, kemuliaan akhlak pula yang menjadi kepentingan modal insan menurut syariah. Sehubungan itu, akhlak yang baik menjadi ciri khusus muslim yang berpersonaliti Islam dan mengarahkan pandangan hidup serta pergaulannya. Ertinya, personaliti Muslim yang baik sentiasa mempamerkan akhlak yang baik pula.

Keenam, bekerja dengan semangat tolong menolong Ketaqwaan yang dimiliki oleh pengurus dengan sendirinya akan menghasilkan kerja yang cemerlang hasil daripada pemupukan kerjasama dan tolong menolong daripada pelbagai pihak dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Ketaqwaan mereka akan menyebabkan mereka lebih berfikiran terbuka, menggalakkan perbincangan sesama sendiri dan menggalakkan penglibatan pelbagai pihak.

Islam adalah sebuah agama yang bersifat *syumul* (lengkap). Maknanya, Islam telah mengatur segala aspek dalam kehidupan insan, baik dari aspek aqidah, ibadah, akhlak, dan juga muamalah. Menurut Al-Ghazali (1963), Islam melihat pembangunan modal insan sebagai tonggak utama dalam membangunkan sumber daya alam. Berbeza dengan prinsip Barat yang melihat sumber daya alam sebagai perkara utama dalam membangunkan ekonomi. Hal ini kerana manusia adalah peneraju kepada pengurusan dan pentadbiran alam (Al-Ghazali, 1963).

Menurut syariah, modal insan ialah sebahagian daripada maqasid syariah. Oleh itu, sebelum masuk kepada modal insan menurut usul fiqh perlulah mengetahui apa itu maqasid

syariah agar dapat menjelaskan hubungan antara modal insan menurut usul fiqh yang ada dalam maqasid syariah. Maqasid syariah adalah tujuan atau maksud daripada syariah. Menurut al-Raysuni (2010) tujuan daripada syariah ialah untuk meraih suatu faedah dan maslahah. Menurut Syatibi (2004), maqasid syariah mempunyai dua elemen penting iaitu ia bersumberkan Al-Qur'an dan As-Sunnah sebagai sumber syariat dan ia ditujukan kepada insan yang diamanahkan untuk menjalankan syariat itu tadi. Hikmah diturunkan syariat tidak lain hanya untuk kemaslahatan modal insan.

Para ulama' tidak berbeza pendapat bahawa seluruh peraturan yang terdapat dalam Islam mempunyai tujuan dan matlamat yang penting iaitu untuk menjaga kepentingan manusia di dunia dan di akhirat. Dari situ mereka menyimpulkan maksud maqasid syariah sebagai tujuan utama dan rahasia agung yang terkandung di dalam syariah Islamiyyah. Oleh itu semua ajaran Islam adalah membawa kebaikan kepada manusia. Syariah Islamiyyah menjamin dan mendokong tunggak-tunggak utama dalam hidup manusia yang disebut sebagai daruriyyat al-khams. Syariah Islamiyyah juga mengambil berat perkara yang bersifat keperluan penting yang disebut sebagai hajiiyyat. Begitu juga Islam memperakarkan pentingnya aspek keselesaan dan kesempurnaan kepada manusia dalam menjalani kehidupan, yang disebut sebagai Tahsiniyyat (Mohamad, Adnan & Yusoff, 2016:145).

Bagi memenuhi tujuan dan matlamat syariah, Allah SWT telah menetapkan berbagai peraturan sebagai wasilah atau cara untuk mencapai matlamat tersebut. Tanpa wasilah itu, maqasid syariah tidak boleh dicapai. Sebab itu perbahasan tentang wasilah atau cara adalah merupakan satu aspek penting dalam pengajian maqasid al-syariah. Ulama' membahagikan maqasid kepada tiga peringkat.

Pertama, maqasid daruriyyat iaitu suatu asas atau keperluan yang wajib ada bagi menjamin tercapainya matlamat hidup di dunia dan di akhirat. Ia merupakan keperluan pokok atau tunggak dalam kehidupan. Tanpa asas tersebut akan menyebabkan musnahnya kehidupan. Menurut Mohamad, Adnan & Yusoff (2016:146), maqasid daruriyyat terbahagi kepada lima bahagian: (1) Matlamat agama iaitu kepentingan agama ialah berkaitan dengan akidah, syariat dan akhlak. Bagi menegakkan agama, Allah SWT mensyariatkan berbagai prinsip (usul) pengabdian diri kepada Allah SWT dan sebagainya; (2) Matlamat keturunan iaitu bermaksud susur galur kekeluargaan yang melibatkan zuriat. Untuk melahirkan keturunan yang baik, Allah SWT mensyariatkan kaedah-kaedah tertentu dalam perkahwinan seperti mengutamakan ciri keagamaan dalam memilih pasangan dan lain-lain. Untuk menjaga keselamatan dan kesucian keturunan, maka Allah SWT mengharamkan perbuatan zina dan perkara yang berkaitan dengannya seperti pergaulan bebas dan sebagainya; (3) Matlamat menjaga harta sebahagai sesuatu barang berharga yang boleh diambil manfaatnya. Untuk mendapatkan harta mengikut cara yang betul, Allah SWT mensyariatkan kaedah pemilikan harta seperti jual beli, sewaan dan sebagainya. Bagi melindungi keselamatan harta pula. Allah SWT mengharamkan jenayah mencuri dan mengarahkan kuat kuasa undang-undang hudud dan lain-lain lagi; (4) Matlamat kepentingan nyawa iaitu bermaksud kehidupan seorang insan. Untuk mendapatkan zuriat yang sempurna, Allah SWT mensyariatkan sistem perkahwinan dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Manakala bagi menjamin keselamatan nyawa manusia, Allah SWT mensyariatkan pengharaman jenayah bunuh, kuat kuasa undang-undang qisas dan sebagainya; dan (5) matlamat kepentingan akal ialah kemampuan berfikir yang diberikan Allah Taala. Untuk membangunkan akal manusia, Allah SWT memerintahkan penyuburan akal dengan pengisian

kerohanian. Untuk melindungi akal, Allah SWT mengharamkan arak dan perkara yang memabukkan, termasuk melaksanakan kuat kuasa undang-undang yang berkaitan.

Kedua, maqasid hajiyah iaitu suatu keperluan yang membawa kemudahan hidup seperti mengizinkan (secara khas) untuk menjalankan beberapa sistem akad kehartaan dan muamalat yang mendesak, contohnya jual salam, kebenaran khas melakukan ibadat dalam keadaan yang sukar seperti rukhsah solat, qasar dan lain-lain. Peringkat maqasid yang kedua ini dijamin oleh Islam bagi tujuan menghindarkan kesusahan dan mempermudahkan urusan serta menyediakan ruang kesenangan kepada manusia. Sekiranya maqasid ini tidak wujud atau diabaikan, ia tidaklah memusnahkan sistem hidup, namun begitu suasana sukar, payah dan perit akan dihadapi.

Ketiga, maqasid tahsiniyyah iaitu suatu keperluan yang tidak pokok dan tidak mendesak, tetapi memberikan nilai kesempurnaan dalam hidup, seperti amalan sunat, adab-adab yang dianjurkan oleh Islam dalam kehidupan harian dan lain-lain. Maqasid ini dijamin oleh Islam kerana Islam sangat mementingkan tahap kesempurnaan dan kecemerlangan atau keselesaan untuk manusia. Manusia dibenarkan memenuhi kehendak naluri dan perasaan secara tabi'i tanpa melanggar sempadan syarak, seperti hiburan yang baik dan bermanfaat. Mereka boleh berusaha untuk mencapai tahap kemuliaan dan kedudukan yang tinggi dengan cara yang betul, bukan dengan cara yang menyeleweng.

Menurut Syatibi (2004), ada tiga bahagian penting dalam pembangunan modal insan iaitu; التحسينيات والضروريات الحاجيات. Dari ketiga bahagian tersebut jika dibangunkan dengan baik akan melahirkan modal insan yang seimbang dalam suatu negara. Adapun modal insan mestilah menjaga lima kulliyah agar terhindar dari kecelaruan dalam negara. Menurut Syatibi (2004), lima kulliyah yang perlu dijaga adalah:

a. Menjaga ugama (حفظ الدين)

Menjaga ugama keperluan penting dan utama bagi insan, maka penting dalam menjaga kelestarian dan kemaslahatannya. Cara memelihara agama adalah dengan menunaikan syariat sesuai akidah, beribadah yang tulus dan berakhhlak mulia hal ini mesti dilaksanakan agar mencapai kemaslahatan kehidupan (Paryadi, 2021). Oleh itu, menjaga agama ialah menjaga segala perkara yang berkaitan dengan agama dan menjaga hubungan dengan Allah SWT, sebagaimana umat Islam cara menjaga hubungan dengan pencipta boleh dilakukan dengan menjalankan kewajipan sebagai hamba Allah SWT seperti solat lima waktu, menunaikan zakat, puasa dan amalan lain. Cara lain yang boleh dilakukan untuk menjaga agama ialah dengan menegakkan dan mempertahankan Islam daripada pelbagai penyelewengan dan sentiasa menjaga hubungan sesama manusia dengan tolong-menolong dan menghormati orang yang berlainan agama dan kepercayaan.

b. Menjaga diri (حفظ النفس)

Menjaga diri juga dijadikan sebagai keperluan utama yang mesti dijaga, maka seluruh sesuatu yang dinilai menjadi keberlangsungan hidup insan wajib untuk dijaga, seperti keperluan pagan dalam menjaga badan (Nasution & Nurhayati, 2022:230). Maka itu, melindungi jiwa adalah memberikan perlindungan kepada jiwa dari sesuatu yang membahayakannya, baik dari dalam maupun dari luar. Kedudukan roh dalam Islam mendapat perhatian yang besar, justeru jiwa manusia harus dijaga, dipelihara dan dilindungi daripada sebarang perkara yang

mengancam atau menghilangkan jiwa. Sebagai contoh, dalam keadaan darurat, hukum syarak membenarkan seseorang memakan makanan yang dilarang untuk terus hidup.

Selain menjaga diri, Islam juga memberi perhatian kepada kemaslahatan dan kelangsungan hidup orang lain, seperti larangan berperang, bergaduh, membunuh tanpa sebab yang dibenarkan oleh syarak, menggugurkan kandungan dan seumpamanya. Dan untuk menjaga jiwa Islam, ia juga mengatur dan memberikan sanksi bagi seseorang yang melukai dan merugikan orang lain, seperti menjatuhkan hukuman Qisas bagi orang yang membunuh, Allah SWT berfirman dalam QS. Al Maidah:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذْنَ بِالْأُذْنِ وَالسِّنَنَ بِالسِّنَنِ وَالجُرْحُ وَقَصَاصُ

Maksudnya: Kami telah menetapkan bagi mereka di dalamnya (Taurat) bahwa nyawa (dibalas) dengan nyawa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada qisas-nya (balasan yang sama).

#### c. Menjaga akal (حفظ العقل)

Akal adalah anugerah yang Allah SWT berikan hanya kepada insan sahaja dengan memiliki akal insan dapat menjalankan kehidupan sebagai khalifah di muka bumi. Oleh kerana itu penting menjaga dan memelihara akal untuk mencapai kemaslahatan (Janah, 2018:180). Dengan itu, menjaga minda ialah menggunakan minda untuk memikirkan perkara yang baik dan melindunginya daripada segala yang melemahkan dan merosakkan fungsinya. Salah satu cara Hifz Al-Aql ialah menggunakan akal untuk belajar, memerhati dan merenung ciptaan Allah, serta menjauhi tingkah laku yang boleh merosakkan akal seperti mengambil dadah, arak dan sebagainya.

#### d. Menjaga keturunan (حفظ النسل)

Menjaga keturunan salah satu daripada keperluan utama insan. Keturunan adalah generasi yang telah pun disiapkan untuk memimpin di muka bumi selanjutnya. Oleh itu, menjaga keturunan amat sangat penting dalam Islam (Wijaya, 2015). Selain itu, Melindungi zuriat (Hifz An-Nasl) ialah melindungi keturunan atau keluarga daripada sesuatu yang boleh mendatangkan keburukan. Perkara pokok yang harus diperhatikan dalam menjaga zuriat ialah zuriat itu berasal dari perkahwinan yang sah, kerana melalui perkahwinan yang sah akan melahirkan zuriat atau nasab yang sah. Selain itu, Hifz An-Nasl dapat direalisasikan dengan menjauhkan diri daripada zina dan pergaulan bebas, mendidik zuriat dengan akhlak yang baik dan berakhlik mulia dalam masyarakat. Terdapat beberapa faedah jika kita dapat melindungi keturunan (Hifz An-Nasl), antaranya sebagai ialah: (1) Sebuah keluarga yang sakinhah, mawaddah dan Rahmah dapat direalisasikan; (2) Dapat dilahirkan zuriat yang soleh dan solehah; dan (3) Menzahirkan keturunan yang menjadi penyejuk hati, kuat dan bermaruah.

#### e. Menjaga harta (حفظ المال)

Menjaga harta hal yang amat sangat penting untuk menjaga kehidupan insan. Oleh itu, harta adalah keperluan yang penting dalam hidup insan. Sehubungan itu, Islam mengajarkan kepada insan cara yang baik dan benar untuk kepengurusan harta. Dengan itu, syariat Islam sangat melarang umatnya menyimpang daripada ajaran yang telah ditetapkan (Sya'bani, 2015). Oleh sebab itu, Menjaga harta (Hifz Al-Mal) ialah menjaga harta dari segala yang haram atau

termasuk perkara yang meragukan. Sebagaimana perintah Allah SWT kepada hamba-Nya supaya kasab atau mencari rezeki dengan cara yang halal dan menjalankan perniagaan yang halal seperti jual beli dan mengharamkan riba. Menurut Islam, berikut adalah cara-cara menjaga harta (Hifz Al-Mal) antaranya: (1) memperoleh harta dengan cara yang halal; (2) membelanjakan harta di jalan Allah SWT; dan (3) tidak membazir atau berbelanja secara boros dan sebagainya.

Jika kelima kulliyat tersebut telah terjaga maka akan jauh dari segala keceluaran, dan jika keceluaran telah dihindarkan maka akan lahirlah suatu kemaslahan dalam masyarakat yang memberikan impak pada negara. Menurut al-Juwaini, insan yang tidak dapat memaknai dengan baik tujuan Allah SWT dalam memberikan perintah dan larangan-Nya, maka ia belum dapat dipandang mampu melakukan *isbtinbath* hukum-hukum syarak (al-Juwaini, 2005). Sehubungan itu, al-Juwaini (2005) sangatlah peduli dengan penegakan nilai-nilai keadilan dalam masyarakat bahawa penegakan keadilan dan kesejahteraan masyarakat sangatlah bergantung pada kepimpinan. Oleh itu, pembangunan modal insan dalam sebuah negara adalah sebahagian daripada tanggungjawab seorang pemimpin.

Selain itu, kepentingan modal insan menurut syariah ialah untuk mewujudkan kesejahteraan dan kedamaian dalam maksud al-falah merupakan kepentingan kedua selepas mencapai mardhatillah. Seseorang individu yang tidak berpegang kepada prinsip kesejahteraan dan kedamaian bukan sahaja gagal membangunkan akal, jiwa dan dirinya di dunia tetapi turut gagal menempatkan dirinya dalam golongan orang yang mendapat hasanah (nikmat) di alam akhirat.

Allah SWT mengurniakan alam ini dengan pelbagai kenikmatan bagi memenuhi keperluan insan. Oleh itu, pembangunan fizikal dengan pelbagai ilmu keduniaan dan kemahiran penting dalam memakmurkan dunia. Perancangan fizikal juga boleh menyumbang ke arah pendidikan insan dari aspek fizikal dan juga rohani. Antara tindakan fizikal yang boleh membantu ke arah pembinaan insan adalah sebagai berikut.

Pertama, pembinaan kemudahan tempat ibadat, masjid, pusat pendidikan, perpustakaan, taman-taman riadah, tanah perkuburan, kawasan perniagaan, kawasan perumahan dan kemudahan-kemudahan lain yang sesuai dengan sifat manusia yang memerlukan pegangan agama, ilmu pengetahuan, pembangunan minda dan pengisian dari segi rohani. Kedua, memelihara alam sekitar daripada kemusnahan sebagai usaha menjaga dan menghargai anugerah Pencipta yang mempunyai hikmah dalam segala ciptaannya. Ketiga, bentuk perancangan yang meletakkan elemen-elemen utama seperti masjid dan institusi pendidikan di tempat yang menjadi tumpuan dan menghadap ke arah kiblat sebagai elemen yang mengingatkan manusia kepada Pencipta. Keempat, menyediakan elemen dan kemudahan-kemudahan yang dapat menjalin hubungan yang dapat menjalin hubungan yang rapat sesama manusia dalam persekitaran kejiraninan yang bersesuaian serta mewujudkan peraturan bagi memastikan hak-hak orang lain dihormati seperti dewan komuniti. Kelima, penerapan nilai-nilai kerohanian dalam pembinaan bangunan-bangunan dengan menyediakan ruang-ruang ibadat yang khusus di bangunan-bangunan pejabat, kompleks membeli belah dan tempat tumpuan rekreasi.

## Perbincangan Analisis

Syafi'i (1979) sangat menekankan aspek pembangunan modal insan yang bermula dari aspek yang paling dasar dalam diri insan iaitu aspek penyucian jiwa dan hati. Penyucian ini, akan melahirkan insan kamil yang mempunyai karakter yang mampan dalam pembangunan jasmani dan rohani. Menurut Syafi'i (1979), landasan yang paling utama dalam pembangunan modal insan bermula dari pembangunan dalam diri insan itu sendiri iaitu *qalb*. Oleh itu, proses pembentukan asas insan ke arah yang berkualiti semestinya bermula dari sejak insan itu dalam kandungan dan sejak insan itu dilahirkan sampai kepada insan itu melalui fasa kanak-kanak, remaja, dewasa, tua dan akhirnya kematian.

Pembangunan modal insan mesti dibangunkan secara selaras antara pembangunan fizikal dan pembangunan sosial (Syafi'i, 1979). Sehubungan itu, ada tiga aspek yang boleh menggambarkan pembangunan modal insan secara keseluruhan iaitu membuang kedengkian daripada hati insan dengan cara meminta dan memberi maaf (تَحْلُلُ الْإِنْسَانِ), *qana'ah* sebagai hiasan diri (تَجْلِيلُ الْإِنْسَانِ), dan ketaqwan insan terhadap Allah SWT (تَبَّاعِلُ الْإِنْسَانِ).

Selain itu, aspek yang telah dirumuskan oleh Syafi'i (1979) dalam hal (تَحْلُلُ الْإِنْسَانِ) akan melahirkan insan yang jauh dari sifat-sifat rakus, iri hati, dengki dan tamak dengan kencintaan pada hal dunia, sifat itulah yang akan menghancurkan insan. Sementara itu, dalam aspek (تَجْلِيلُ الْإِنْسَانِ) dan (تَبَّاعِلُ الْإِنْسَانِ) akan membantu insan menjadi insan yang kamil (Jailani, 1973). Dengan itu, insan akan lebih mulia di hadapan Allah SWT pada hari akhirat nanti.

Aspek rohaniah yang diajarkan oleh Syafi'i (1979) adalah suatu kunci utama untuk mewujudkan pembangunan modal insan. Tanpa memperhatikan aspek *qalb* maka usaha daripada pembangunan modal insan tidak akan tercapai. Dalaman insan merangkumi ketiga aspek di atas tanpa pengecualian dan hal inilah yang membezakan modal insan menurut syariah dengan konvensional.

Sehubungan itu, jika aspek modal insan telah disesuaikan maka impaknya adalah kebahagiaan, kesejahteraan, dan juga keselamatan dunia akhirat. Dengan itu, impak kepada negara sangatlah besar dalam pelbagai aspek baik itu di segi ekonomi, sosial, mahupun keselamatan makanan. Dengan realiti dunia hari ini, aspek pembangunan modal insan dari sudut pandang Syafi'i (1979) sangatlah wajar untuk diterapkan dan dijalankan sebagai pedoman serta panduan umum kepada pihak-pihak berwajib untuk menyemarakkan pembangunan modal insan dalam masyarakat.

Sehubungan itu menurut Syafi'i (1979) membangunkan modal seseorang insan dibahagiakan kepada beberapa dua bahagian. Pertama, hablum minallah yang merujuk kepada hubungan secara langsung antara manusia sebagai makhluk yang diciptakan, dengan Allah selaku Pencipta. Hubungan ini adalah hubungan pengabdian secara total kepada Allah dalam semua aspek kehidupan bermula dari melaksanakan kewajipan seperti solat, zakat, puasa, haji hingga urusan lain seperti muamalat, kemasyarakatan dan hubungan antarabangsa. Justeru seseorang yang berhati-hati dalam melakukan sesuatu pekerjaan agar sentiasa selaras dengan tuntutan ajaran Islam. Selain itu, dalam konteks perhubungan dengan Allah, konsep tawakkal merupakan suatu pendekatan yang positif.

Kedua, hablum minannaas iaitu konsep yang terpancar hasil dari kefahaman yang jitu terhadap konsep hablum Minallah. Tanpa adanya hablum Minallah, hubungan kemanusiaan akan porak peranda dan tidak memiliki matlamat yang sebenarnya dalam arah tuju kehidupan. Inilah antara cabaran terbesar manusia dalam komunikasi sesama insan yang akrab tanpa membawa kepada perbalahan mahu pun pertumpahan darah dalam kehidupan.

Justeru itu, Allah telah mengutuskan para Nabi dan Rasul bertujuan menyatukan umat manusia ke arah kehidupan yang aman damai tanpa mengira bangsa, warna kulit, keturunan dan sebagainya. Dalam hubungan antara agama, para Nabi dan Rasul telah menyediakan garis panduan dalam berkomunikasi dengan insan yang berlainan agama dan adat merangkumi aspek hak dan tanggungjawab, kebebasan bersuara, aspek kejiranan dan kesatuan dalam memelihara kedaulatan negara.

Menurut Syafi'i (1979) ada lima aspek yang mencirikan modal insan. Pertama, modal insan tidak boleh diperdagangkan. Ia berupa pengetahuan dan kemahiran yang menjadi hak milik individu yang diperolehi di atas keupayaan diri. Kedua, setiap individu tidak mempunyai cara yang sama dalam membangunkan modal insan. Terdapat individu yang berupaya mempunyai keupayaan diri seawal usia mudanya tetapi terdapat juga individu yang membina keupayaan di usia lanjut. Ketiga, modal insan dapat dilihat dari aspek kualiti dan kuantiti. Seseorang individu dari sebuah universiti yang sama mungkin mempunyai kualiti dan kuantiti yang berbeza berdasarkan keupayaan dirinya. Keempat, modal insan boleh bersifat khusus atau umum iaitu boleh digunakan secara khusus untuk seorang individu sahaja atau boleh diguna secara bersama. Kelima, modal insan dipengaruhi oleh aspek luaran iaitu persekitaran dan ikatan sosial. Ia memainkan peranan penting dalam menentukan tahap modal insan yang dimiliki oleh seseorang individu.

Maka itu, menurut Syafi'i (1979) modal insan yang dibangunkan secara sempurna juga harus bukan sekadar dilaburkan untuk kepentingan ekonomi dan pasaran industri semata-mata, tetapi ia perlu lebih jauh dari itu, iaitu manusia harus dibangunkan dengan kerohanian yang luhur bagi mewujudkan pembangunan yang benar-benar seimbang. Oleh itu aspek kerohanian atau spiritualiti yang harus dibangunkan dengan berkesan ini memerlukan kepada agama. Aspek keagamaan inilah yang akan mencorakkan praktik kehidupan seseorang itu sehari-hari. Oleh sebab itu agama yang berteraskan kepada akidah yang sahih mempunyai peranan yang besar dalam membentuk modal insan yang berkualiti dan seimbang dari segi rohani dan jasmaninya.

## **Kesimpulan**

Hasil analisis mendapati bahawa Mazhab Syafi'i memiliki pandangan yang berbeza dari teori konvensional di mana pembangunan modal insan lebih ditekankan kepada aspek fizikal dan harta. Barat menekankan bahawa modal insan ialah alat yang digunakan untuk membangun sesebuah negara. Sedangkan, menurut mazhab Syafi'i, ada lima aspek yang mempengaruhi pembangunan modal insan iaitu menjaga ugama, menjaga diri, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta. Sehingga saat lima kulliyat tersebut telah terjaga maka akan jauh dari segala kecelaruan dan lahirlah suatu kemaslahan dalam masyarakat yang memberikan impak pada negara.

## Bibliografi

- Al-Bana, I. H. (2007). *Usul 'Asyirin*. Istanbul: Lilbuhuts wa Dirosat.
- Alford, A. W., & Berger, P. G. (1999). A Simultaneous Equations Analysis of Forecast Accuracy, Analyst Following, and Trading Volume. *Journal of Accounting, Auditing & Finance*, 14(3), 219-240.
- Becker, G. (1964). *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis with Special Reference to Education 1<sup>st</sup> Edition*. New York: National Bureau of Economic Research.
- Budiman, I. (2015), Pembangunan Sumber Daya Manusia Sebagai Modal dalam Sistem Ekonomi Islam. *Jurnal Media Syari'ah: Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial*, 17(2), 240-270.
- Bukit, B., dkk. (2017). *Pengembangan Sumber Daya Manusia: Teori, Dimensi, Pengukuran, dan Implementasi dalam Organisasi*. Yogyakarta: Zahir Publishing.
- Fakhruddin, F. M., Othman, S., & Mutalib, L. A. (2022). *Pembangunan Modal Insan Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazali. (1963). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dar el Ma'rifah.
- Husein, S. (2010). *Ta'amulat Ijaziyah Linnabi Salallahu alaihi wa salam fi Amani As-siyasi*. Kairo: Al-Haiah Al-Mishriyah Al-Amah Lilkitab.
- Ismanto, K. (2015). *Manajemen Syariah Implementasi TQM dalam Lembaga Keuangan Syariah*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Jailani, A. Q. (1973). *Futuhul Ghoib*. Beirut: Dar el Kitab al-Ilmiyah.
- Janah, N. (2018). Maqasid As-syari'ah Sebagai Dasar Pengembangan Ekonomi Islam. *International Journal Ihya' Ulum al-Din*, 20(2), 167-192.
- Jubair, A. (2021). *Al-Maliyah Al-Amah wa Tasyri'u'l Mali*. Suriah: Dar el Afaq al Ilmiah.
- Al-Juwaini, A. M. (2005). *Al-Waroqot fi Usul Fiqh*. Riyadh: Dar el Shomi'i.
- Lengnick-Hall, M. L., & Lengnick-Hall, C. A. (2002). *Human Resource Management in the Knowledge Economy*. San Francisco: Berret-Koehler Publisher, Inc.
- Marx, K. (1967). *Capital*. New York: International Publishers.
- Merriam, G. (1831). *Merriam-Webster Dictionary*. Springfield: Merriam-Webster Inc.
- Mincer, J. (1958). Investment in Human Capital and Personal Income Distribution. *Jurnal Political Economy*, 66(4), 281-302.
- Mirshad, Z. (2014). *Persamaan Model Pemikiran Al-Ghaza dan Abraham Maslow Tentang Model Motivasi Konsumsi*. Surabaya: UIN Suan Ampel Surabaya.
- Mohamad, S., Adnan, M. A. M., & Yusoff, M. A. (2016). Aplikasi Maqasid Syariah dalam Pentadbiran Kerajaan Kelantandari Tahun 1990 Hingga 2013: Satu Analisis, *JURNAL AL-BASIRAH*, 6(1), 141-155.
- Nasution, M. Z. A., & Nurhayati. (2022). Teori Maqasid Al-syariah dan Penerapannya Pada Perbankan Syariah. *Jurnal Ekonomi & Ekonomi Syariah*, 5(1), 899-907.
- Nurrohman. (2020), Modal Manusia Dalam Perspektif Islam Hubungannya Dengan Kinerja Perusahaan, *Khazanah Sosial*, 2(1), 31-36.
- Paryadi. (2021). Maqasid Syariah: Definisi dan Pendapat Para Ulama, *Jurnal Cross Border*, 4(2), 201-216.
- Pigou, A. C. (1928). *A Study in Public Finance*. London: Macmillan and Co.
- Ar-Raysuni, A. (2010). *Mudkhul Ila Maqashid Syariah*. Kairo: Dar el Kalimah.
- Ridwan. (2016). Pembangunan Ekonomi Regional. Yogyakarta: Pustaka Puitika.

- Rohmah, I. F., & Jumiati, E. (2021). Human Capital an Islamic Perspective. *Lisyabab Jurnal Studi Islam dan Sosial*, 2(2), 221-233.
- Sa'adi, & Arni, S. (2015). Transformasi Modal Insan dalam Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 27, 168-194.
- Saifullah, E. (2016). Pembangunan dalam Islam. *Jurnal I-Finance*, 2(2), 92-106.
- Sodiq, A. (2015). Konsep Kesejahteraan dalam Islam. *Jurnal Equilibrium*, 3(2), 381-405.
- Sudjana, K., & Riskison. (2020). Peran Baitul Maal Wat Tamwil (BMT) dalam Mewujudkan Ekonomi Syariah yang Kompetitif. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 6(02), 185-194.
- Sugiyono. (2012). *Memahami Penelitian Kualitatif*. Bandung: Alfabeta.
- Sya'bani, A. (2015). Maqasid al-Syari'ah Sebagai Metode Ijtihad, *El-Hikam: Journal of Education and Religious Study*, 8(1), 127-142.
- As-Syafi'i. (1979). *Musnad Imam Muhammad bin Idris As-Syafi'i*. Beirut: Dar el Kutub al-Ilmiyah.
- As-Syatibi, I. M. K. (2004). *Muafaqot fi Usul As-Syariah*. Beirut: Dar el Kutub Al-Ilmiyah.
- Tricahyani, Y. (2018). Urgensi Sumber Daya Insani dalam Institusi Perbankan Syariah. *Jurnal Muslim Heritage*, 3(1), 87-105.
- Wijaya, A. (2015). Cara Memahami Maqasid al-Syari'ah. *Jurnal al-Daulah*, 4(2), 344-353.
- Yusof, A. A., & Sari, M. Dwi. (2017). Pembangunan Modal Insan daripada Perspektif Islam: Impak kepada Pengurus. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 2(1), 40 - 52.